

23/06/2003

Peraduan mengarang puisi, esei kemerdekaan

Syuhada Choo Abdullah

ERA Visi Publication Sdn Bhd dan Berita Harian Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Kementerian Pendidikan, menganjurkan 'Peraduan Mengarang Puisi dan Esei Kemerdekaan', terbuka kepada semua pelajar tahun satu hingga tingkatan lima di seluruh negara.

Peraduan bertema 'Demi Kemerdekaan' yang diadakan sempena sambutan Hari

Kebangsaan Ke-46 itu, dibahagikan kepada dua kategori, iaitu mengarang puisi bagi murid tahun satu hingga enam sekolah rendah, dan mengarang esei

untuk pelajar tingkatan satu hingga lima.

Hadiah menarik menanti pemenang kedua-dua kategori berkenaan.

Tempat pertama kategori puisi menyediakan hadiah wang tunai RM1,000, kedua RM750 dan ketiga RM500, di samping setiap pemenang dihadiahkan satu

set Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar, serta hadiah iringan dan sijil penyertaan. Selain itu, 10 pemenang sagu hati akan menerima hadiah wang tunai RM100, buku dan sijil penyertaan.

Bagi kategori esei pula, tempat pertama menerima wang tunai RM1,500, kedua RM1,000 dan ketiga RM750, di samping satu set Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar, serta hadiah iringan dan sijil penyertaan.

Selain itu, kategori itu juga menyediakan hadiah sagu hati untuk 10 pemenang dengan masing-masing menerima wang tunai RM150, buku dan sijil penyertaan.

Bukan itu saja, peraduan berkenaan juga menyediakan hadiah wang tunai RM1,000, satu set Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar, buku dan sijil penyertaan kepada sekolah yang menghantar penyertaan terbanyak.

Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang penyertaan asal yang boleh didapati di halaman Pendidikan Berita Harian mulai hari ini serta akhbar sisipannya, iaitu Didik, Minda Pelajar dan SKOR dari semasa ke semasa.

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 8 Ogos ini. Tema dan tajuk untuk peraduan mengarang puisi serta esei boleh didapati pada borang penyertaan.

Pengarah Penerbitan Era Visi Publication, Ishak Hamzah, berkata peraduan

itu adalah satu daripada sumbangan pihak penganjur untuk bersama-sama memainkan peranan dalam membangunkan bidang pendidikan di negara ini.

Beliau berkata, penganjuran bukan sekadar bertujuan mengasah kemampuan mengarang di kalangan pelajar tetapi menyediakan saluran kepada pelajar untuk melahirkan mesej dan penghayatan mereka erti kemerdekaan.

Katanya, ini bertepatan dengan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kemerdekaan negara bukan saja perlu dipertahankan

tetapi juga harus diperkasakan.

"Justeru, diharapkan Peraduan Mengarang Puisi dan Esei Kemerdekaan ini akan menjadi pemangkin kepada usaha menggalakkan lebih ramai pelajar mencapai kecemerlangan dalam pendidikan, lebih rajin membaca, lebih banyak

menulis serta lebih menghargai kemerdekaan tanah air.

"Selain itu, peraduan mengarang esei juga akan menggalakkan pelajar melakukan rujukan mahupun penyelidikan kerana tajuk diberikan adalah bersifat universal yang boleh membentuk sikap positif.

"Sehubungan itu, penyertaan peraduan ini bukan hanya bertujuan memenangi hadiah semata-mata tetapi lebih penting ialah dapat membantu menilai sejauh mana keupayaan pelajar mengarang secara kreatif dan mantap sekaligus merangsang minat mereka terhadap penulisan," katanya.

Dalam konteks berkaitan, Ishak berkata, pemberian set Ensiklopedia Islam

Untuk Pelajar terbitan Era Visi Publication sebagai sebahagian daripada hadiah utama akan dapat membantu memperkayakan pengetahuan pelajar mengenai agama dan ketamadunan Islam di seluruh dunia.

Penyertaan boleh dihantar melalui pos atau datang sendiri ke Era Visi Publication Sdn Bhd di alamat No 10-1, Jalan Budiman 24, Taman Mulia, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Mohd Nizar Abdullah atau Nor Amani Aziz di talian telefon 03-91731916.